

**Penarikan balik saman bukti wujud konspirasi, kata Anwar
Malaysian Insider
16 Oktober, 2012
Oleh Md Izwan**

KUALA LUMPUR, 16 Okt — Ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim meluahkan rasa lega dengan penarikan kes saman terhadapnya oleh bekas ketua polis negara, Tan Sri Musa Hassan tetapi berkata keputusan itu membuktikan wujudnya konspirasi dalam pendakwaan liwat dan kes mata lebam ke atasnya pada 1998 yang lalu.

Musa pada pagi ini menarik kes saman yang difailkannya atas alasan telah mencapai persetujuan di luar mahkamah dengan peguam defendan hasil perbincangan antara kedua-dua pihak sebelum berlangsung perbicaraan hari ini.

"Saya bersyukur dan puas hati dengan penarikan kes saman ini.

"Tetapi persoalan yang timbul sekarang ini ialah wujudnya bukti konspirasi dan rekaan cerita terhadap pendakwaan saya pada 1998 lalu," kata Anwar di luar mahkamah.

Dalam perbicaraan pagi ini, Kamarul Hisham Kamaruddin yang mewakili Musa dalam kes saman ke atas Anwar telah menarik balik kes tersebut dihadapan hakim Datuk Asmabi Mohamad di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Walaupun kes saman tersebut telah berakhir, Anwar tetap menggesa ditubuhkan satu lagi tribunal ke atas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail untuk menyiasat perannya dalam kes liwat satu dan mata lebam pada 1998 kerana beliau masih belum menjawab pertuduhan secara langsung.

Anwar juga berkata pihaknya tidak akan menyaman Gani memandangkan mereka telah mencuba dengan pelbagai cara untuk membuat pendakwaan tetapi hingga kini masih tidak berjaya kerana mahkamah tidak telus.

"Saya menyambut baik keputusan oleh Musa, sekarang perlu ada satu tribunal untuk menyiasat peranan Abdul Gani kerana beliau belum dapat melepaskan diri daripada pertuduhan secara langsung.

"Dengan Musa, saya menyambut baik dan kita boleh teruskan urusan kerja kita. Saya senang kerana ia tidak akan mengganggu kerja-kerja kita dalam pilihan raya nanti," kata Anwar di luar mahkamah.

Di samping itu, Anwar apabila ditanya sama ada beliau masih bertegas dengan tuduhan ke atas Musa yang mereka-reka keterangan dan bukti berkata beliau mahu memandang ke hadapan daripada aspek positif dan tidak perlu membangkitkan dakwaan tersebut lagi.

"Saya terima kesediaan dia (Musa) yang menunjukkan rasa hormat dan memahami untuk menyelesaikan kes ini, jadi saya mahu melihat ke hadapan secara positif.

"Musa telah mengambil sikap berhemah dan kini tumpuan akan terarah kepada Gani," ujar Anwar lagi.

Anwar membuat laporan di ibu pejabat polis kontinjen Selangor pada 1 Julai 2008 dengan dakwaan Musa dan Abdul Ganitelah mereka-reka keterangan dan menyembunyi beberapa fakta dalam penyiasatan serangan fizikal terhadapnya oleh KPN ketika itu, Tan Sri Abdul Rahim Noor pada 1998.

Berikutan itu, Musa menfailkan saman terhadap Anwar pada 21 Julai 2008 atas alasan dakwaan itu tidak berasas dan tidak benar dan telah mencemarkan maruah peribadi, imej, kehormatan dan nama baiknya dan juga kapasiti profesionalnya.

Dalam pernyataan tuntutanannya, Musa menafikan mengambil bahagian dalam konspirasi untuk mereka-reka keterangan dan menyembunyikan fakta berkaitan serangan itu.

Musa juga berkata beliau tidak pernah menyalahgunakan kuasanya dalam apa cara sekalipun dalam penyiasatan kes rasuah dan liwat Anwar.

Bekas KPN berusia 60 tahun sebelum ini bersama Abdul Gani telah disiasat ekoran dakwaan Anwar tersebut namun bekas hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Abdul Kadir Sulaiman mengetuai panel tiga orang telah membersihkan kedua-dua mereka daripada penyalahgunaan kuasa.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga membuka kertas siasatan ke atas Musa dan Abdul Gani.

Dalam semakan saman ke atas Anwar, Musa telah menuntut ganti rugi am, teladan dan ganti rugi teruk, faedah lapan peratus, kos dan relif lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Beliau juga memohon injunksi untuk menghalang Anwar daripada mengulangi kenyataan memfitnah itu.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/penarikan-balik-saman-bukti-wujud-ko-nspirasi-kata-anwar/>